

'Saya enggan kecoh'

BH - 25/11/2019 m/s: 12



Anwar tegaskan tak mahu sertai Kabinet hingga proses peralihan kuasa berlaku

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman dan Khairul Azran Hussin
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak mahu menjadi anggota Kabinet sehingga proses peralihan kuasa berlaku.

"Saya tidak bercadang (menjadi menteri) sehingga berlaku proses peralihan kuasa," katanya pada sidang selepas menyampaikan ucapan utama pada Konvensyen Reformis 2019 anjuran Otai Reformis'98 di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas pendiriannya sama ada akan menyertai barisan Kabinet baharu Tun Dr Mahathir Mohamad sekiranya berlaku rombakan Kabinet.

Rabu lalu, Perdana Menteri membayangkan akan melakukan rombakan Kabinet sebelum dianjurkan Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) tahun depan.

Kelmarin, selepas mpengekusikan mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH), Dr Mahathir menafikan dakwaan akan merombak barisan Kabinet dalam masa terdekat.

Dalam pada itu, Anwar menegaskan mesyuarat Majlis Presiden PH membuat ketetapan tidak akan melayan sebarang gerakan menubuhkan kerajaan menerusi pintu belakang.

Beliau yang juga Ketua Umum PH menjelaskan majlis itu tetap dengan pendirian Dr Mahathir akan kekal sebagai Perdana Menteri sehingga proses peralihan kuasa berlangsung dalam keada-



Anwar berucap pada Majlis Perasmian Konvensyen Reformis 2019 di Shah Alam, semalam. (Foto Roslin Mat Tahir/BH)

an aman dan selamat.

"Kami bincang semalam (kelmarin), tetapi tidak dengar dakwaan (Presiden PAS, Datuk Seri) Hadi (Awang). Yang pasti kami kekal dengan pendirian tidak melayan sebarang gerakan menubuhkan kerajaan menerusi pintu belakang," katanya.

Hadi ketika berceramah di sini malam kelmarin mendakwa 'seorang' pemimpin dalam kerajaan merestui gerakan untuk menubuhkan kerajaan menerusi pintu belakang, sekali gus menghalang langkah mengangkat Anwar sebagai Perdana Menteri kelapan.

Malah, kata Abdul Hadi, PAS dan UMNO ditawarkan untuk membentuk kerajaan menerusi pintu belakang tetapi menolaknya kerana mahu merampas Putrajaya menerusi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

Anwar yang juga Ahli Parlimen Port Dickson turut memaklumkan yang Perdana Menteri pada mesyuarat Majlis Presiden PH kelmarin mengarahkan semua parti meningkatkan prestasi serta komitmen membela rakyat susulan kekalahan PH dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai.

"Perdana Menteri mengarahkan semua parti dalam PH melakukan perubahan, melaksanakan program rakyat, turun ke

bawah, mengelak melakukan penyelewengan dan tidak bersikap angkuh kepada rakyat," katanya.

Terdahulu, dalam ucapannya Anwar meminta semua penyokongnya bersabar dan tidak membuat kecoh sehingga beliau dilantik sebagai Perdana Menteri kelapan.

Katanya, pada mesyuarat Majlis Presiden PH kelmarin, semua pemimpin utama sepakat menyatakan beliau akan menjadi Perdana Menteri kelapan.

"Dr Mahathir secara jelas memberi jaminan dirinya adalah Perdana Menteri ketujuh dan saya adalah Perdana Menteri kelapan. Jaminan ini sudah jelas dan berharap semua pihak bersabar. Saya pilih jalan yang aman, tidak mahu berlaku suasana kecoh-kecoh.

"Saya mahu beri ruang kepada Dr Mahathir tadbir urus dengan rakan kita di Kabinet untuk memulihkan ekonomi dan ini pendirian saya. Saya minta Otai Reformis dan ahli parti bersabar, berada dalam keadaan yang tenang dan damai bagi memudahkan saya mengambil alih jawatan perdana menteri," katanya.

Anwar juga berkata beliau tidak gusar dengan dakwaan kononnya ada pemimpin lain yang akan dilantik sebagai Perdana

Menteri kelapan.

"Suara kecil yang menyebarkan dakwaan ini tidak akan memberi kesan kepada peralihan kuasa antara saya dengan Dr Mahathir apabila sampai masanya nanti," katanya.

Beliau turut mengingatkan pemimpin PKR yang dilantik sebagai menteri, timbalan menteri dan orang kanan dalam kerajaan supaya tidak lupa diri.

"Mereka yang mendapat jawatan jangan melupakan kawan reformis yang berjuang bermati-matian sehingga berjaya menumbangkan kerajaan Barisan Nasional (BN).

"Perlu ingat, kamu duduk di kerusi enak dan empuk sekarang kerana hasil perjuangan rakan reformis yang tidak ada apa-apa jawatan dan masih hidup dalam kesengsaraan, kemiskinan.

"Apabila kamu sudah diberi anugerah Datuk, Datuk Seri, Tan Sri dan baru satu setengah tahun menjadi menteri, kamu sudah sombong. Ini tidak boleh. Perjuangan kita tidak menggalakkan sifat sombong dan ego," katanya.

Majlis itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri merangkap Pengerusi Majlis Penasihat PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Pengerusi Otai Reformis'98, Dr Idris Ahmad.